4 Klasifikasi Kekurangan Enzim Laktase

Primer (*Primary*)

- Antara sebab utama intoleransi laktosa (kadang-kadang dikenali sebagai intoleransi laktosa dewasa atau *late onset*)
- Kepekatan enzim laktase adalah tinggi semasa lahir namun mula merosot apabila usia meningkat
- Lebih kerap berlaku pada populasi yang tidak mengambil susu sebagai sumber nutrien
- Simptom boleh terjadi pada mana-mana peringkat umur tetapi sangat jarang berlaku pada usia sebelum 6 tahun
- Intoleransi laktosa tidak jelas secara klinikal sehingga pada akhir usia remaja

Sekunder (*Secondary*)

- Disebabkan oleh kerosakan pada lapisan atas sel-sel usus kecil yang menghasilkan laktase
- Keadaan ini biasa terjadi pada kanak-kanak dan sering berlaku selepas jangkitan kuman pada saluran pencernaan
- Boleh juga terjadi akibat komplikasi kemoterapi, penyakit *celiac*, penyakit *Chron* dan penyakit berkaitan imun tubuh seperti HIV
- Alkohol juga boleh merencat enzim laktase atau enzim-enzim lain, menyebabkan atau memburukkan lagi intoleransi laktosa

Kongenital (*Congenital*)

- Keadaan ini dinamakan *alactasia*, di mana ketiadaan enzim laktase ini berlaku sepanjang hayat
- Keadaan ini sangat jarang berlaku, kurang daripada 50 orang didiagnosis di seluruh dunia
- Simptom akan kelihatan sebaik bayi minum susu ibu atau susu formula berlaktosa

Perkembangan (*Developmental*)

- Keadaan ini berlaku pada bayi yang lahir pramatang
- Enzim laktase dan disakarida yang lain adalah rendah sehingga usia kandungan mencapai 34 minggu
- Keadaan ini bersifat sementara dan bertambah baik dengan kematangan usus

Penulis :
Pn. Sharifah Mariam binti Syed Zainal Abidin
Pegawai Dietetik
Hospital Kuala Lumpur